


## Bab 4

# طرق إثراء الكلمات العربية Asas Penambahan Kosa Kata BA

### 4.1 ASAS PENAMBAHAN

1. Penambahan Kosa Kata BA boleh dilakukan dengan berpandukan “Fungsi Makna Morfologi” atau Fungsi Asas sesuatu KATA TERAS.
2. Kata Teras ialah empat golongan kata yang boleh membawa “makna asas” dalam ayat. Ia terdiri daripada Kata Kerja (الفعل), Kata Dasar (المصدر), Kata Sifat (الصفة) dan Kata Nama (الاسم).
3. Kedudukan fungsi asas Kata teras tersebut boleh dilakarkan seperti berikut:-



4. Kesemua “Fungsi Makna Asas” tersebut akan dijelaskan secara terperinci dalam bab-bab berikut nanti.

## 4.2 CARA PENAMBAHAN


1. Kosa Kata BA. Boleh **ditambah** melalui :-
  - *Pengimbuhan Kata.*
  - *Penerbitan Kata.*
  - *Penyenaraian Kata.*
2. **PENGIMBUHAN KATA** bermaksud penambahan “Huruf-Huruf Imbuhan” pada sesuatu **Kata Teras** yang terdiri daripada 3 atau 4 huruf asal.
3. **Huruf Asal** sesuatu Kata Teras diwakili oleh huruf-huruf ل ف ع , di mana (ف) mewakili huruf asal pertama, (ع) mewakili huruf asal kedua dan (ل) mewakili huruf asal ketiga dan keempat.
4. **Huruf Imbuhan** bahasa ialah : س أ ل ت م و ن ي ه ا . Kesemuanya 10 huruf sahaja.
5. Hanya **Kata Kerja** yang boleh menerima pengimbuhan dalam BA.
6. **PENERBITAN KATA** pula bermaksud proses menerbitkan perkataan baru daripada sesuatu Kata Teras melalui “Acuan” atau “Wazan” tertentu.
7. Contoh **Acuan** atau **Wazan** tersebut akan dijelaskan dalam fasal 4.4, 4.5 dan 4.6 nanti.
8. Perkataan yang boleh diterbitkan ialah **Kata Sifat, Kata Nama** dan **Kata Dasar**.
9. **PENYENARAIAN KATA** bermaksud merujuk kepada kelompok-kelompok perkataan yang boleh disenaraikan, iaitu : *Istilah, Frasa Seerti, Gaya Bahasa, Frasa Idiomatik, Bidalan* atau *Kata-Kata Hikmat* dan *Keluarga Kata Nama*.

## 4.3 Cara 1 : PENGIMBUHAN KATA KERJA

1. **Kata Kerja** ialah perkataan yang dipakai untuk menyatakan **BERLAKU** sesuatu perbuatan pada masa lepas atau masa kini atau masa akan datang.
2. Setiap KK terdiri daripada TIGA HURUF ASAL. Ia selalu dilambangkan dengan “Wazan” atau “Acuan” :-


# فَعْلٌ : كَتَبَ / حَسُنَ / حَسِبَ

- Ia mewakili ketiga-tiga huruf asal sesuatu KK secara seturut. Bunyi bacaan huruf-huruf tersebut hendaklah dirujuk dalam kamus.
- Kesemua KK boleh menerima imbuhan melalui salah satu wazan-wazan berikut (lihat senarai sebelah kiri) :-



CONTOH	IMBUHAN	مضارع	ماض
أَخْرَجَ - يُخْرِجُ	Me =	يُفْعَلُ	فَعَّلَ
فَكَرَّ - يُفَكِّرُ	Me / Ber =	يُفَعِّلُ	فَعَّلَ
قَاتَلَ - يُقَاتِلُ	Me / Ber =	يُفَاعِلُ	فَاعَّلَ
تَدَبَّرَ - يُتَدَبَّرُ	Ber / Ter =	يُتَفَعَّلُ	تَفَعَّلَ
تَفَاهَمَ - يُتَفَاهَمُ	Ber =	يَتَفَاعَلُ	تَفَاعَّلَ
اِنْتَحَرَ - يُنْتَحَرُ	Ber / Ter =	يُفْتَعَّلُ	اِفْتَعَّلَ
اِنْتَدَرَّ - يُنْتَدِرُ	Ter =	يُنْتَفَعِلُ	اِنْتَفَعَلَ
اِسْتَعْفَرَ - يَسْتَعْفِرُ	Berusaha / Minta =	يَسْتَفْعِلُ	اِسْتَفْعَلَ

- Hanya **Kata Kerja** (KK) yang menerima “Huruf Imbuhan” dalam BA.
- Bentuk imbuhan KK akan berubah mengikut perubahan **MAKNA PERLAKUAN** nya dalam sesuatu konteks ayat (lihat Bab 5).
- FORMAT IMBUHAN sesuatu KK bertukar mengikut bentuk “**Fungsi Makna**” berikut :-



8. Perubahan bentuk KK MAZID daripada MADHI kepada MUDHORI' tidak memberi apa-apa kesan kepada "MAKNA WAZAN".

#### 4.4 Cara 2 : PENERBITAN KATA DASAR

1. **Kata Dasar** (KD) ialah perkataan yang dipakai untuk MEMPERKATAKAN tentang sesuatu "Proses" tertentu.
2. Proses KD boleh dijeniskan kepada 5 fungsi: **Tanpa Penegasan, Dengan Penegasan, Berkondisi, Kekurangan dan Penisbahan.**


3. KD untuk KK Mujarrad perlu dirujuk dalam kamus. Hanya KK Mazid boleh diterbitkan.
4. Untuk fungsi makna lain, KD boleh diterbitkan berdasarkan wazan-wazan berikut :-



#### 4.5 Cara 3 : PENERBITAN KATA SIFAT

1. **Kata Sifat (KS)** ialah perkataan yang menerangkan CIRI atau KRITERIA sesuatu benda.
2. Ia boleh diterbitkan daripada KK MUJARRAD (terdiri daripada 3 atau 4 huruf asal) atau KK MAZID.

3. Antara Format Popular KS yang diterbitkan daripada **KK** dalam B. Arab adalah seperti berikut :-




4. CIRI atau SIFAT adalah “tabiat” atau “perbuatan” yang berlaku secara berulang kali. PERBUATAN BERTERUSAN boleh dianggap sebagai sifat kepada “pembuat” nya.

#### 4.6 Cara 5 : PENERBITAN KATA NAMA

1. **Kata Nama** (KN) ialah perkataan yang merujuk kepada BENDA berjisim atau abstrak.
2. Kebanyakan KN diterima secara “Nukilan” (قياسي). Hanya KN ALAT, KN TEMPAT dan KN MASA sahaja yang boleh diterbitkan.
3. KN ALAT ialah perkataan yang merujuk kepada perlatan. KN TEMPAT ialah perkataan yang merujuk kepada tempat atau lokasi.

KN MASA ialah perkataan yang merujuk kepada sesuatu tempoh masa.

4. Penerbitan KN boleh dilakukan melalui bentuk-bentuk acuan berikut :-



5. Pertindihan Acuan berlaku pada KN Tempat dan KN Masa. Ini kerana proses penerbitan kedua-dua kata nama tersebut menggunakan kaedah yang sama. Perbezaan fungsi makna antara kedua-duanya hanya boleh ditentukan berdasarkan konteks ayat.

#### 4.7 Cara 6 : PENYENARAIAN KATA

1. Ia akan dijelaskan dalam buku jilid ke dua berikutnya. Sila dapatkannya di pasaran sekarang.
2. Senarai perkataan yang akan dimuatkan dalam buku tersebut ialah:-
  - i- Frasa seerti
  - ii- Istilah
  - iii- Frasa Idiomatik
  - iv- Bidalan
  - v- Kata-Kata Hikmat
  - vi- Keluarga Kata Nama